BAB III

GAMBARAN UMUM HMI

Tujuan suatu organisasi dipengaruhi oleh dasar motivasi pembentukannya, status dan fungsinya dalam totaliti dimana dia berada. Didalam totaliti kehidupan Bangsa Indonesia maka HMI adalah organisasi yang berdasarkan atau berasaskan Islam, berstatus sebagai organisasi Mahasiswa yang berperanan sebagai Generasi Muda Bangsa dan berfungsi sebagai organisasi pelapis yang bersifat independent.

HMI yang sangat kekurangan akan tenaga intelektual yang memiliki keseimbangan hidup yang padu antara pemenuhan tugas dunia dan ukhrowi, ilmu dan iman, individu dan masyarakat, serta tuntutan akan peranan kaum intelektual dan ilmuwan dimasa hadapan.

Atas dasar factor tersebut diatas, maka HMI menetapkan tujuannya sebagaimana dirumuskan dalam pasal 5 Anggaran Dasar HMI yaitu:

> "Terbinanya insan akademik, pencipta, pengabdi yang bernafaskan Islam dan bertanggung jawab atas terwujudnya masyarakat adil makmur yang diridhoi oleh Allah SWT".

Dengan rumusan seperti tersebut diatas, maka pada hakikatnya HMI bukanlah organisasi massa (universal) dalam pengertian fisik dan kuantitatif, tetapi sebaliknya HMI adalah merupakan institusi pengabdian atau perkembangan idea secara kualitatif harus mendidik, memimpin dan memimpin ahlinya untuk mencapai tujuan dengan cara-cara perjuangan yang benar.

3.1. Asas dan Tujuan HMI

Didalam Muqoddimah Anggaran Dasar dinyatakan:

> "Sesungguhnya Allah SWT telah mewahyukan Islam sebagai ajaran yang hak dan sempurna untuk mengatur umat manusia berkehidupan sesuai dengan fitrahya sebagai kholifah dimuka bumi dengan kewajiban mengabdikan diri semata-mata kehadirannya.

Atas keyakinan ini, maka HMI mengambil Islam sebagai asas organisasi. Sebagai asas organisasi, maka Islam bagi HMI adalah merupakan sumber inspirasi dalam menetapkan tujuan dan usaha organisasi.[1]

Dasar motivasi yang paling dalam bagi HMI adalah ajaran asas agama Islam. Karena agama Islam agama yang fitrah maka pada azasnya tujuan *mission* Islam adalah juga merupakan tujuan daripada kehidupan manusia yang fitri, iaitu yang tunduk kepada fitrah kemanusiannya. Tujuan kehidupan manusia yang fitri adalah kehidupan yang menjamin adanya kesejahteraan jasmani dan rohani secara seimbang atau dengan kata lain kesejahteraan materi dan kesejahteraan spiritual. Dan kesejahteraan akan wujud dengan adanya amal saleh yang dikukuhkan dengan kepercayaan dan iman yang benar.

Wujud daripada pelaksanaan nilai-nilai tersebut adalah berupa amal saleh ini akan terlaksana secara benar dan sempurna apabila diasaskan oleh iman dan ilmu pengetahuan.

---

[1] Lihat AD/ART HMI, 1992.

Kerana itu, tujuan HMI tidak lain adalah membentuk manusia yang beriman dan berilmu pengetahuan serta mampu melaksanakan amal saleh. Pengabdian dalam bentuk amal saleh inilah pada hakikatnya tujuan hidup manusia, sebab dengan melalui amal saleh manusia akan memperoleh kebahagian.

3.2. Kualiti Insan Cita HMI

Kualitai insan cita HMI adalah merupakan dunia cita iaitu keadaan ideal yang ingin diwujudakan oleh HMI didalam pribadi seorang manusia yang beriman dan berilmu pengetahuan.

Kualiti tersebut sebagaimana dirumuskan dalam pasal tujuan (pasal Anggaran Dasar HMI), adalah sebagai berikut:

3.2.1. Kualiti insan akademik.

a. Berpendidikan tinggi, berpengetahuan luas, mampu berfikir rasional, objektif dan kritis.
b. Memiliki kemampuan teori, mampu membentuk apa yang diketahui dan dirasakannya. Dia selalu berlaku dan menghadapi suasana sekelilingnya dengan penuh kesedaran.
c. Sanggup berdiri sendiri dalam tonggak ilmu pengetahuan sesuai dengan jabatan ilmu yang dipilihnya baik teori maupun peraktiknya dan sanggup bekerja secara ilmiyah iaitu secara bertahap, teratur, mengarah pada tujuan sesuai dengan prinsip-prinsip berkembang.

3.2.2. Kualiti insan pencipta

d. Sanggup melihat kemungkinan-kemungkinan lain yang lebih daripada apa yang sekedar ada, dan berkeinginan besar untuk mencipta bentuk-bentuk baru yang lebih baik dan bermanfaat dengan berpandukan dari apa yang ada (ciptaan Allah).

e. Jiwanya penuh dengan idea-idea kemajuan, selalu mencari perbaikan dan pembaharuan.

f. Bersikap independent dan terbuka. Insan harus boleh menyedari sikap potensi kreatif yang berkembang dan menemukan bentuk jati dirinya.

g. Dengan dorongan kemampuan akademiknya dia mampu melaksanakan kerja kemanusian dengan berasaskan ajaran Islam.

3.2.3. Kualiti insan pengabdi.

Insan akademik, pencipta dan pengabdi.

a. Ikhlas dan sanggup berkarya untuk kepentingan orang banyak atau sesama umat manusia..

b. Sedar bahwa tugas insan pengabdi bukan hanya membuat dirinya baik, tetapi mebuat kondisi sekelilingnya menjadi baik

c. Insan akademik, pencipta dan pengabdi adalah insan yang patuh pada cita-citanya serta ikhlas mengamalkan ilmunya untuk kepentingan sesamya.

3.2.4. Kualiti insan yang berpegang pada Islam, insan akademik, pencipta dan pengabdi yang berasaskan Islam.

a. Islam telah menjiwai dan memberi pedoman setiap gerak lakunya tanpa mengatasnamakan Islam. Insan ini telah berkarya dan mencipta sejalan dengan *mission* Islam.

b. Ajaran Islam telah berhasil membentuk "*unity of personality*" dalam dirinya dan telah berhasil memperjuangkan ruh umat Islam.

c. Patuh terhadap ajaran Islam, tidak dalam urusan pribadi maupun dalam urusan masyarakat.[2]

3.2.5. Kualiti insan yang bertanggung jawab

Insan akademik, pencipta dan pengabdi yang berasaskan Islam dan bertanggung jawab atas wujudnya masyarakat yang adil dan diridhoi oleh Allah SWT.

a. Berfikir rasional dan sanggup menerima resiko serta menempoh jalan yang benar dan baik.

b. Respont dalam menghadapi persoalan-persoalan dan jauh dari sikap putus asa.

d. Penuh rasa tanggung jawab dan bertaqwa kepada Allah SWT . Dan mempunyai peranan aktif dalam suatu bidang dalam mewujudkan masyarakat yang adil dan diridhoi oleh Allah SWT.

e. Memperbaharui setiap sesuatu yang berlawanan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang adil.

---

[2] Lihat AD/ART HMI, 1992.

d. Percaya kepada diri sendiri dan sedar akan kedudukannya sebagai "khalifah fil Ardi" yang harus melaksanakan tugas-tugas kerja kemanusian.

Pada dasarnya insan cita HMI merupakan "man of future", insan pelopor, insan yang berfikiran luas dan berpandangan jauh, bersikap terbuka, terampil atau ahli dalam bidangnya, dia sedar akan apa yang menjadi cita-citanya dan tahu bagaimana memperjuangkan cita-citanya. Insan seperti inilah yang mempunyai keperibadian imbang dan padu, kritis dan dinamis, adil dan jujur, tidak sombong dan bertaqwa kepada Allah SWT. Mereka itulah insan-insan yang beriman, berilmu dan mampu beramal saleh dalam kualiti yang maksimum (insan kamil).[3]

3.3. Tugas Ahli HMI

Setiap ahli HMI sentiasa berusaha untuk lebih mendekatkan kualiti insan cita HMI seperti tersebut diatas, tetapi sebaliknya HMI berkawajiban untuk memberikan nasihat, bimbingan serta suasana yang kondusif bagi perkembangan potensi kualiti peribadi ahli-ahlinya dengan memberikan fasiliti-fasiliti dan kesempatan.

Untuk setiap ahli-ahli HMI, harus mengembangkan sikap mentality pada dirinya yang independent itu untuk:

1. Sentiasa memperdalam kehidupan rohani agar menjadi insan yang berbudi baik dan mulia serta bertaqwa kepada Allah SWT.

---

[3] Agussalim Sitompul, *Sejarah Perjuangan Himpunan Mahasiswa Islam, (th. 1947-1975)*, (Surabaya, PT Bina Ilmu offset, 1976), p. 147-151.

2. Selalu tidak puas dan selalu mencari kebenaran
3. Jujur dan tidak mengingkari hati nurani (hanief).
4. Teguh dalam pendirian dan objektif rasional menghadapi pendirian-pendirian lain yang berbeza.
5. Bersikap kritis dan berfikir bebas kreatif.

Hal tersebut akan diperolehi antara lain dengan jalan:

1. Sentiasa mempertinggi tingkat pemahaman ajaran Islam yang dimilikinya dengan penuh ghairah atau semangat yang tinggi.
2. Aktif mengikuti studi-studi di universiti khususnya jabatan yang diminati dan selalu mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan.
3. Selalu mengadakan perenungan terhadap ilmu-ilmu yang dimiliki dan berani mengemukakan pendapat sendiri.
4. Selalu menghadiri dalam forum-forum ilmiyah.
5. Memelihara kesihatan badan dan aktif mengikuti studi yang berkaitan dengan perkembangan kebudayaan.
6. Berkewajiban mengamalkan ilmunya dan aktif dalam mengambil peranan dalam kegiatan HMI.

Bahwa tujuan HMI sebagaimana dirumuskan dalam pasal 5 Anggaran Dasar pada hakikatnya adalah merupakan tujuan dari setiap anggota HMI. Insan cita HMI adalah gambaran masa depan HMI.

3.4. Struktur/Carta Organisasi dan Anggota/ahli

3.4.1. Struktur/Carta Organisasi.

Setiap organisasi memerlukan adanya struktur/carta pengurusi yang jelas dan teratur, agar jelas pembahagian kerja antara element/unsur didalamnya, dan ada jelasnya carta dalam berhubungan secara timbal balik (interaksi) antara satu element dengan element yang lain.

Sebelum sampai pada perbincangan tentang struktur/carta organisasi HMI, terlebih dahulu akan dijelaskan tentang struktur/carta organisasi HMI secara keseluruhan.

HMI menyusun kerangka organisasi kedalam anggaran dasar dan anggaran rumah tangga.[4] HMI membahagikan struktur/carta formal ***berbentuk kekuasaan*** **dan** ***kepimpinan.***

- Struktur/Carta Kekuasaan.

a. *Kongres.*

Kongres merupakan mesyuarat utusan cawangan-cawangan yang memegang kekuasaan tertinggi organisasi yang diadakan dua tahun sekali. Dalam keadaan luar biasa kongres dapat diadakan menyimpang dan dapat diadakan atas inisiatif satu cawangan dengan persatuan sekurang-kurangnya melebihi separuh dari jumlah cawangan.

---

[4] AD/ART HMI, 1992, p. 3.

Kongres berkuasa menetapkan Anggaran Dasar dan Anggran Rumah Tangga (AD/ART), pedoman pokok dan Garis Besar Haluan Organisasi (GBHO), memilih Pengurus Besar (formatur ketua umum dan mide formatur) dan memilih calon ahli Majelis Pekerja Kongres (MPK).

b. Mesyuarat Daerah (Musyda).

Musyda adalah mesyuarat utusan-utusan cawangan yang ada dilingkungan satu badan koordinisasi yang diadakan dua tahun sekali, untuk memilih pengurusi (Formatur ketua umum dan dan mide formatur).

c. Konferensi Cabang/Cawangan (Konfercab)

Konfercab merupakan mesyuarat utusan komisariat atau ranting yang memegang kekuasaan tertinggi tingkat Cawangan, dilakukan setiap tahun untuk memilih Pengurusi Cawangan (Formatur ketua dan mide formatur) dan untuk menetapkan program kerja selama satu period.

d. Mesyuarat Rayon/Bahagian.

Mesyuarat ini diselenggarakan dalam lingkungan rayon atau bahagian yang bersangkutan dan diadakan satu tahun sekali. Untuk memilih pengurusi dan menetapkan program kerja selama satu period.

e. Mesyuarat Koordinator Komisariat/Ranting (Musykom).

Musykom adalah mesyuarat utusan komisariat atau Ranting dilingkungannya, mempunyai kekuasaan untuk memilih Pengurusi

Komisariat atau Ranting (Formatur dan mide formatur) dan menetapkan program kerja selama satu period.

f. Rapat Anggota Komisariat/Mesyuarat Ahli Ranting (RAK).

RAK merupakan mesuarat ahli komisariat/ranting yang memegang kekuasaan tertinggi di tingkat komisariat/ranting. Dilaksankaan dalam rangka pergantian pengurusi dan untuk menetapkan program kerja selama satu period.

- **Struktur/Carta Kepimpinan.**

a. Pengurus Besar (PB), adalah badan tertinggi HMI.

b. Badan Koordinasi/Kepala Bahagian (Badko), adalah badan pembantu PB yang dibentuk atas beberapa cawangan.

c. Cawangan, merupakan kesatuan organisasi yang dibentuk bilamana terdapat Perguruan Tinggi dan Lembaga Pendidikan lainnya yang setingkat dengan itu.

d. Rayon atau Bahagian, dibentuk ditempat yang dianggap perlu.

e. Koordinator Komisariat atau Ranting, merupakan badan pembantu pengurusi cawangan yang dibentuk apabila dikira perlu oleh Pengurusi Cawangan.

f. Komisariat atau rayon, merupakan kesatuan organisasi pada suatu akademi atau (satu atau beberapa) fakulti dilingkungan Perguruan Tinggi.

HMI yang memiliki badan-badan khusus, yang berfungsi membantu pemimpin HMI, seperti Majelis Pekerja Organisasi (MPO) dan Majelis Syura Organisasi (MSO) yang dibentuk sebagai badan konsultan dan pengawas pelaksanaan kongres.

Sementara untuk tingkat Cawangan badan-badan khusus dibentuk oleh pimpinan Cawangan sesuai dengan keperluan ahlinya. Badan-badan khusus ini secara garis besar terdiri dari lembaga khusus, Korp HMI-wati (KOHATI) dan Korp Pengader Cawangan (KPC). Yang terakhir ini mempunyai peranan penting dalam sistem pelapis Cawangan.

Posisi Struktural/Carta KPC dalam struktur/carta organisasi HMI adalah sejajar atau setingkat dengan LAPMI (Lembaga Pers Mahasiswa Islam), LEMI (Lembaga Ekonomi Mahasiswa Islam), LDMI (Lembaga Dakwah Mahasiswa islam), dan lain-lain.

KPC sebagai badan khusus yang mandiri mempunyai tugas membantu Pengurusi Cawangan untuk mengelola dan menentukan kebijakan sistem pelapisan HMI tingkat Cawangan. Tugas ini pada tahap operasionalnya dibantu oleh Bidang Pelatihan.

Kembali kepada struktur/carta organisasi HMI seperti tergambar diatas, terdapat pembahagian dalam *struktur/carta Mutlak* dan *struktur/carta tidak mutlak*, pembahagian tersebut berlaku baik bagi

struktur/carta kekuasan maupun *struktur/cata kepimpinan*, untuk lebih jelasnya, hal ini dapat **dilihat pada bagan 1.**

Dalam struktur organisasi tersebut yang termasuk struktur/carta kepimpinan mutlak adalah Pengurusi Besar (PB), Pengurus Cawangan (PC) dan Pengurus Komisariat/Ranting (PK). Sedangkan semua element kepimpinan yang lain termasuk yang tidak mutlak. Struktur/carta mutlak berarti harus ada dan dilaksanakan, sementara struktur/carta tidak mutlak tidak harus ada, namun disesuaikan dengan keperluan dan situasi yang ada.[5]

Dalam struktur/carta tersebut, posisi HMI Cawangan Yogyakarta berada pada jenjang/tahapan kedua dalam struktur/carta kepimpinan mutlak.

Struktur/carta pengurusi HMI Cawangan Yogyakarta sejak periode 1991-1992 melakukan restrukturisasi sistem organisasi, yang semua menggunakan sistem organisasi konvensional/kepimpinan tradisional, mulai melakukan perubahan secara bertahap dengan menggunakan *system matrik tak penuh,* yakni dengan memperjelas bidang garap (kajian) dan bidang fungsional **(lihat bagan 2)**. Yang termasuk bidang garap (kajian) adalah bidang pelatihan, intelektual Perguruan Tinggi/Kemahasiswaan, kemasyarakatan dan kemuslimahan. Sedangkan untuk bidang fungsional terdapat kesekretariatan (setiausaha),

[5] Interview dengan Saudara Idrus Syarifuddin, bekas Setia usaha Pengurus Besar (PB) HMI dan sekarang masih aktif dalam pengkajian intelektual, bertarikh 24-02-2002.

kebendaharaan (kewangan), aparat atau pegawai organisasi dan penelitian, evaluasi dan pengembangan (litevbang). Sesuai dengan *system matrik tak penuh*, bidang fungsional harus menempatkan staf-nya dalam bidang garap sesuai dengan fungsinya. Dengan system ini pula setiap bidang organisasi mempunyai wewenang penuh untuk menentukan kebijakan program.

BAGAN 1

STRUKTUR ORGANISASI HMI*



* Sugita, *Institusi HMI*, Makalah yang disampaikan pada forum presentasi materi LK I, sebelum tarikh pelaksanaan Latihan Kader I (LK I)

BAGAN 2

STRUKTUR ORGANISASI HMI CABANG YOGYAKARTA



3.4.2. Keanggotaan atau Keahlian

Anggota atau ahli HMI Cawangan Yogyakarta, sampai kepengurusan period 1996 berjumlah 7586 orang, yang tersebut dari 43 komisariat/rayon dihampir seluruh Perguruan Tinggi di Yogyakarta baik negeri maupun swasta yang dikoordinator oleh enam koordinator komisariat atau rayon (korkom).

Untuk lebih jelas melihat perkembangan keanggotaan/keahlian sampai tahun 1997 tersebut, dapat dilihat **dalam tabel I.**

TABEL I
KONJUNGTOR JUMLAH ANGGOTA KOMISARIAT
HMI CABANG YOGYAKARTA

No.	Komisariat	A2P	1996	JUMLAH
A.	**Korkom UGM**	**2533**	**225**	**2758**
01	Ekonomi	367	39	406
02	Pertanian	361	11	372
03	Geografi	273	17	290
04	Kedokteran Hewan	164	37	201
05	Kehutanan	364	34	398
06	Teknologi Pertanian	214	33	347
07	MIPA	149	-	149
08	Teknik	215	10	225
09	Farmasi	103	05	108
10	Biologi	115	11	126
11	Fisipol	58	20	78
12	Hukum	46	07	53
13	Kedokteran Umum	100	-	100
14	Filsafat	04	01	05
B.	**Korkom UII**	**1650**	**115**	**1765**
01	*Ekonomi*	*458*	*61*	*519*
02	*Hukum*	*424*	-	*424*
03	TSP	242	16	258
04	Teknik Tekstil	90	-	90

05	Syari'ah	84	02	86
06	Tarbiyah	201	-	201
07	Teknik Industri	151	36	187
C.	**Korkom IAIN SUKA**	**846**	**62**	**908**
01	Tarbiyah	270	26	296
02	Ushuluddin	235	18	253
03	Syari'ah	158	06	164
04	Adab	66	08	74
05	Dakwah	117	04	121
D.	**Korkom IKIP**	**496**	**35**	**531**
01	FIP	126	19	145
02	FPBS	92	-	92
03	FPIPS	77	16	93
04	FPTK	106	-	106
05	FPMIPA	95	-	95
E.	**Korkom Instiper**	**77**	**84**	**161**
01	Teknologi Pertanian	28	09	37
02	Pertanian	32	48	80
03	Kehutanan	17	27	44
F.	**Korkom PTS**	**1239**	**222**	**1461**
01	Universitas Muhammadiyah	89	28	117
02	STIE Widya Wiwaha	185	28	213
03	STIE Kerjasama	43	02	45
04	STIE Yogyakarta	57	09	66
05	STIE YKPN	168	39	207
06	AMP YKPN	303	35	338
07	AA YKPN	323	63	386
08	AA Notokusumo	06	18	24
09	STPMD APMD	65	-	65
JUMLAH TOTAL		**6841**	**743**	**7584**

Sumber : Laporan Pertanggung Jawaban HMI Cabang Yogyakarta 1995

Ket. : A2P = Anggota Angkatan Pertama
UGM=Universitas Gajah Mada
UII=Universitas Islam Indonesia
IAIN SUKA= Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga
Instiper=Institit Pertanian
IKIP=Institut Keguruan Ilmi Pendidikan
PTS=Perguruan Tinggi Swasta.

3.5. AKTIVITI HMI CAWANGAN YOGYAKARTA.

3.5.1. DALAM BIDANG PERKADERAN/PELAPIS

3.5.1.1 Pengertian Kader/pelapis

Dalam organisasi, kader/pelapis berfungsi sebagai tenaga penggerak organisasi, calon pimpinan, dan benteng/tonggak organisasi. Secara kualitatif, pelapis memiliki kualiti, kesanggupan bekerja dan berkorban yang lebih besar daripada ahli biasa. Pelapis itu adalah ahli inti organisasi. Pelapis merupakan benteng jika ada "serangan" dari luar dan penahan jika ada penyelewengan dari dalam. Pelapis adalah tenaga penggerak organisasi, yang idealnya memahami sepenuhnya dasar dan ideology perjuangan organisasi. Ia mampu melaksanakan program perjuangan secara konsekuwen disetiap masa, situasi, dan tempat. Terkait dengan fungsinya itu, untuk menjadi pelapis organisasi yang berkualiti, setiap ahli harus menjalani pendidikan, latihan, dan proses perkaderan/pelapisan lainnya. Pendidikan pelapis harus dilaksanakan secara terus menerus dan teratur, rapi dan terencana, yang diatur dalam pedoman perkaderan/pelapisan.[6] Kongres ke-8 HMI 1966 merancang pengertian pelapis sebagai panduan organisasi, penyokong, penggerak, pelaksana, dan penyelamat cita-cita HMI masa kini dan yang akan datang dimanapun berada, tetap berorientasi kepada asas dan syariah Islam.[7]

Berdasarkan pengertian diatas, terdapat tiga ciri yang harus ada dalam diri seorang pelapis. *Pertama,* seorang pelapis berjuang dan

---

[6] A.M. Santo Tukiman dan Moehadi Zainal, *Administrasi &Organisasi Perjuangan,* (Yogyakarta: Penerbit Sinta, 1966), p. 18

[7] Lihat *Hasil Keputusan Kongres ke-8 HMI,* p.1

memrbentuk peribadianya dalam organisasi. Oleh kerana itu, seorang pelapis HMI misalnya, sepatutnya mengenal aturan atau undang-undang organisasi dan berbagai ketentuan yang ada. Misalnya dalam melaksanakan organisasi, pelapis HMI harus selalu berpegang pada AD/ART, pedoman perkaderan/pelapisan, dan ketentuan lain. *Kedua,* pelapis harus memiliki komitmen tinggi dan berpegang teguh dalam memperjuangkan kebenaran. *Ketiga,* pelapis memiliki kemampuan kualitatif dalam dirinya sebagai pedoman atau acuan organisasi, sehingga mampu memperkokoh kesatuan kumpulan manusia yang besar. Pelapis HMI adalah ahli HMI yang telah menjalani proses perkaderan/pelapisan sehingga memiliki ciri, integriti, keperibadian, iman, ilmu dan amal yang mencitrakan HMI sehingga siap mengemban tugas dan amanah dalam kehidupan beragama, bermasyarakat, berbangsa dan beragama.[8]

3.5.1.2. Arah/Hala tuju Perkaderan/Pelapisan

Sebagai organisasi pelapis, HMI memperkenalkan seluruh kegiatannya pada usaha pembentukan dan pengembangan potensi pelapis, dengan kata lain,seluruh kegiatan HMI adalah kegiatan pelapisan.

Mengingat fungsi HMI sebagai organisasi kader, maka seluruh kegiatan harus dapat mengembangkan potensi kualitatif pribadi ahli-ahlinya. Sifat kekaderan HMI dipertegas dalam tujuan HMI pasal 5 Anggaran Dasar HMI. Tujuan memberi tuntunan kemana perkaderan HMI diarahkan. Anggota HMI adalah *Human Material* yang harus diwadahi

---

[8] Lihat *Pedoman Perkaderan & Pedoman Lembaga Pengelola Latihan (LPL) HMI* (Jakarta: Penertbit PB HMI, 1986), p. 12.

HMI untuk dibina dan dikembangkan menjadi pelapis HMI. Mereka yang memiliki kualiti-kualiti sebagai berikut: a) Mahasiswa, iaitu mereka yang telah mencapai tingkat pendidikan tertentu, calon sarjana, dan berpotensi menjadi cerdik pandai, b) Pelapis, iaitu mereka yang memiliki kesedian untuk berlatih dan mengembangkan kualiti-kualiti peribadinya guna menerajui tugas masa depan umat dan banga Indonesia, c) Pejuang, iaitu mereka yang ikhlas dan siap sedia berbuat dan berkorban guna mencapai cita-cita umat Islam dan bangsa Indonesia pada masa sekarang dan yang akan datang.[9]

Inilah yang dijadikan pedoman dan acuan tentang bagaimana pendidikan pelapis dilingkungan HMI yang dilaksanakan dan diarahkan. Pada hakikatnya, tugas utama HMI adalah pelapisan. Semua kegiatan HMI hendaknya menggambarkan fungsi pelapisan. Erti strategi pembinaan pelapis HMI adalah memberikan wawasan kepimpinan bagi pelapis-pelapis HMI sesuai dengan fungsi dan peranannya. Guna melaksanakan fungsi pelapisan HMI, maka diperlukan media sebagai instansi pelapisan, yang dapat dikelompokkan dalam dua macam, training dan kegiatan.

Semua kegiatan HMI merupakan pendidikan pelapis yang menitik beratkan pada unsur-unsur tertentu dari ahli HMI, antara lain dalam hal:

a. *Watak dan Keperibadian,* iaitu dengan memberi kesedaran beragama, akhlak dan watak. Itu bererti harus menyedari seorang individu yang

[9] Lihat *Pedoman Perkaderan HMI* (Jakarta: Penerbit PB HMI, 1970), p. 1

beriman, beakhlak mulia, memiliki watak yang baik serta memiliki pengabdian dalam erti yang paling hakiki.

b. *Kemampuan Ilmiyah*, iaitu dengan membina seseorang hingga memiliki pengetahuan *(knowledge)*, kecerdasan *(intelectuality)* dan kebijakan*(wisdom)*.

c. *Keterampilan/Kreativitinya*, iaitu kepandaian menterjemahkan idea dan pikiran dalam praktik.[10]

Dengan terbinanya tiga sasaran tersebut maka terbinalah insan cita HMI yang beriman, berilmu dan beramal. Tujuan HMI sesungguhnya telah menggambarkan insan cita HMI itu.

Membahas mengenai asas dan tujuan pelapisan HMI pada asasnya tidak terlepas dari asas dan tujuan HMI itu sendiri sebagai organisasi pelapis, seperti yang ditetapkan dalam AD/ART HMI.

Adapun asas pelapisan HMI Cawangan Yogyakarta adalah Islam, sesuai dengan asas organisasi HMI. Sedang tujuannya adalah sesuai dengan tujuan yang termaktub dalam pedoman pelapisan mengarah pada tujuan umum; *terciptanya kadeer-kader/pelapis-pelapis yang berkualiti ULIL ALBAB (Muslim cendikia) yang akan memegang amanah tanggung jawab misi Islam di muka bumi, dan turut serta mewujudkan kehidupan masyarakat yang diridhoi Allah SWT.*[11]

---

[10] Baca *Pedoman Perkaderan HMI* (Jakarta: Penerbit PB HMI, 1977), p. 7.

[11] Interview dengan Kadarusman, MA, di Wisma Marakom Sapen Yogyakarta, 25 Februari 2002.

Kegiatan HMI dalam membentuk dan memperoses ahlinya menjadi pelapis ideal tersebut, secara jelas dibahagikan kepada *perkaderan/pelapisan terpola/terencana* dan *perkaderan/pelapisan tidak terpola/terencana.* Yang termasuk pelapisan terencana adalah pelapisan model/bentuk pendidikan, sedangkan yang termasuk pelapisan tidak terencana adalah pelapisan model/bentuk aktifiti dan pelapisan model jaringan/hubungan.

3.5.1.3 Perkaderan/Pelapisan Terancang/Terencana.

Perkaderan/Pelapisan Model/bentuk Pendidikan

Kegiatan ini terdiri dari *Pendidikan Latihan* dan *Pendidikan Keluarga. Pendidikan Latihan* terdiri dari *Latihan Umum* dan *Latihan Khusus.*

a. Pendidikan Latihan.

Pendidikan Latihan Umum terdiri dari: Latihan Kader/pelapis I (LK I), Latihan Kader/pelapis II (LK II), Latihan Kader /pelapis III (LK III).

Sedangkan Latihan Khusus terdiri dari: Training-training seperti training pelapisan/Senior Couse (SC), training jurnalis, training peluang pekerjaan dan training-training lainnya sesuai dengan keperluan. Kemudian berbagai Up Grading (penataran), seperti Up grading pengurusi, kesekretariatan (setiausaha), lembaga khusus dan Up Grading lainnya. Kemudian kursus-kursus dan training-training. Dan yang terakhir adalah kajian-kajian/diskusi-diskusi mengenai persoalan-persoalan yang terkini

dalam masyarakat, keilmuan/falsafah maupun persoalan peradaban global.

b. Pendidikan Keluarga.

Model/corak pendidikan keluarga ini merupakan tempat perhimpuan pendidikan yang memfokuskan pada ikatan persaudaraan sesama muslim sebagai sasaran kegiatannya.

Yang termasuk kelompok ini antara lain; alumnai pengurusi period tertentu, usrah (ikatan bekas peserta LK I atau LK II angkatan tertentu) dan yang lainnya.

3.5.1.4. *Perkaderan/Pelapisan Tidak Terancang/Terencana.*

Perkaderan/Pelapisan Model Aktiviti.

Pelapisan model aktiviti merupakan upaya pengadaan kegiatan dalam usaha meningkatkan dan mengembangkan potensi pelapis baik secara individu maupun kelompok.

1. Aktiviti Indivldu.

Aktiviti individu ini antara lain peningkatan amal saleh iaitu sentiasa melakukan control (muhasabah) dengan meningkatkan amal saleh, kemudian peningkatan kemampuan diri baik dalam kemampuan kepimpinan, organisasi, mahasiswa maupun ilmu. Dan yang terakhir adalah pengembangan diri dengan meningkatkan serta

mengembangkan kemampuan diri dalam kehidupan campus dan masyarakat.[12]

2. Aktiviti Komunal/kelompok (bersama)

Yang termasuk pada aktiviti bersama antara lain: Pembentukan Jawatankuasa, pengurusi, dan forum-forum yang diadakan HMI.

Perkaderan/pelapisan Model Jaringan/hubungan/

Kegiatan ini merupakan kegiatan organisasi yang melibatkan organisasi lain diluar HMI, seperti organisasi kemasyarakatan (NGO), mahasiswa baik nasional maupun internasional, yang dilakukan secara langsung oleh pelapis-pelapis HMI dalam kehidupan yang nyata. Kegiatan ini boleh disebut dengan pelapisan kancah/penglibatan individu yang bersangkutan..

Dasar pemikiran dari kegiatan ini adalah karena HMI menyedari bahawa HMI bukanlah satu-satunya organisasi pejuang Islam. Oleh kerana itu HMI memerlukan organisasi lain untuk berjalan bersama mencapai tujuan perjuangan.[13]

[12] Interview dengan Saudara Wildan S. Niam, di Sekretariat HMI Karangkajen Yogyakarta, bertarikh 23 Februari 2002.

[13] Interview dengan Saudara DR. Agussalim Sitompul, di Kediamannya Komplek IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, pada tarikh 21 Februari 2002.

Model atau bentuk aktiviti jaringan/hubungan ini terbagi menjadi tiga, iaitu pengiriman anggota/ahli (delegation), kerjasama dengan organisasi lain dan pembentukan institusi kantong/keluarga.

1> Pengiriman Anggota/ahli (delegation).

Pengiriman ahli ini dilakukan dengan mengirimkan ahli untuk mengikuti kegiatan yang dilaksanakan oleh organisasi lain, misalnya seminar. Juga mengirimkan ahli untuk menjadi pengurusi pada organisasi lain, misalnya senat.

2> Kerjasama/usahasama dengan organisasi lain.

Usahasama dengan organisasi lain merupakan usaha optimal dalam usaha penyediaan sarana dan prasarana dari masing-masing organisasi dalam mencapai tujuan bersama yang tidak bertentangan dengan misi dan visi HMI.

Bentuk usahasama dengan organisasi lain misalnya Training Metodologi Dakwah (TMD) yang bekerjasama dengan Yayasan Laboratorium (makmal) Dakwah (Labda) Budi Mulya, dengan Senat Perguruan Tinggi di Lingkungan CawanganYogyakarta. Misalnya yang pernah dilakukan pada period 1993-1994 adalah seminar tentang M. Natsir dan Pemikirannya yang bekerjasama dengan Senat Mahasiswa UII.

3> Pembentukan/Pembinaan Institusi kantong/keluarga.

Iaitu pembinaan wadah atau perhimpunan bagi pelapis HMI dalam membina masyarakat. Wadah/Perhimpunan ini

secara structural/carta tidak memiliki kaitan langsung, namun berhubungan secara fungsional.

Wadah/Perhimpunan ini dapat membina institusi yang bergerak secara langsung dalam menyelesaikan persoalan-persoalan masyarakat seperti LSM (Lembaga Swadaya Masyarakat), atau seperti gerakan aksi massa mahasiswa misalnya LMMY (Liga Mahasiswa Muslim Yogyakarta).[14]

Kegiatan Pelapisan organisasi HMI ini dapat dilihat pada bagan 3.

Maka tujuan kegiatan pelapisan model pendidikan ini adalah untuk memberikan motivasi dan asas serta membina, mengembangkan dan memperbaharui potensi ahli sehingga terbentuk suatu peribadi yang mempunyai asas keimanan, keilmuan dan pengabdian dalam perjuangan.[15]

Pelapisan bentuk pendidikan dengan pendekatan system ini tidak memfokuskan pada stability sistem, namun kesempurnaan kegiatannya. Sehingga sistem lebih disikapi secara terbuka bagi kemungkinan perbaikan yang mendapat arahan dan gambaran jelas dari luar.

---

[14]Sumber: *Pedoman Perkaderan HMI*, Yang dikonfirmasikan dengan Pengurus Cabang Idrus Syarifuddin, Maslahul Falah, bertarikh; 22 Februari 2002.

[15] Interview dengan Saudara Rahayu Widodo, Bekas Pengetua HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 25 Februari 2002.

Dengan demikian pelapisan ini dimulai sebagai proses kerja keseluruhan komponen-komponen pelapisan yang memiliki keterkaitan fungsi, saling berhubungkait, saling mempengaruhi dan saling bergantung antara komponen input (masukan), konversi (perbincangan/perbualan), output (keluaran).

Dalam penulisan ini, penulis hanya memperioriti Latihan Kader/pelapis I sebagai sumber bahasan, dengan alasan, bentuk latihan ini berhubungan langsung dengan kepentingan proses kaderisasi/pelapisan secara structural/carta organisasi

Secara kuantitatif/keseluruhan pelaksanaan Latihan selama hampir 10 period dapat dilihat pada tabel 2 berikut ini.

TABEL 2
PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN HMI
CABANG YOGYAKARTA 1986 -1997

PERIODE	JUMLAH	PESERTA	NISBAH
1986-1987	33	844	26
1987-1989	42	1218	29
1989-1990	52	1410	27
1990-1991	31	785	25
1991-1992	38	1122	29
1992-1993	46	1190	25
1993-1994	36	937	26
1994-1995	39	824	21
1995-1996	34	770	22
1996-1997	38	983	25

Sumber: Laporan Pertanggung-jawaban HMI Cabang Yogyakarta 1997.

Dari tabel tersebut, dapat dilihat bahwa secara kuantiti pelaksanaan Latihan Kader/pelapis I (LK I) tidak mengalami penurunan yang begitu banyak. Penyebab penurunan tersebut secara umum, sebahagian besar kegiatan campus menilai penurunan tersebut bersumber dari kebijakan Pendidikan Tinggi yang relatif selektif, sehingga mahasiswa tidak mempunyai banyak waktu untuk berorganisasi kerana harus secepatnya menyelesaikan program studi.

3.5.1.5. Pola Pelaksanaan

Latihan Kader/Pelapis I (LK I).

Latihan ini merupakan tingkatan pendidikan pelapis HMI pemula yang dimaksudkan sebagai media atau sarana untuk menghantarkan calon ahli mengenal dan memahami HMI.

Latihan ini yang dikenal dengan istilah BATRA (Basic Training) ini dilakukan selama lima hari lima malam dengan metod *camping (*asrama). Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada Lampiran IV tentang manual Latihan Kader I.

LK I sebagai bentuk pelapisan terpola/terencana, mempunyai ***komponen input, konversi dan output.***

3.5.1.5.1. **Input.**[16]

Input terdiri dari subjek, materi, serta sarana dan fasiliti.

3.5.1.5.1.1. Subjek Perkaderan/pelapisan.

Subjek Pelapisan adalah mereka yang bertanggung-jawab dan berwenang atas terlaksananya dan suksesnya proses pelapisan dengan baik.

Subjek pelapisan ini terdiri dari empat komponen, iaitu:

a. Peserta

Peserta LK I merupakan centeral dari seluruh komponen subjek. Peserta LK I ini adalah mahasiswa calon ahli HMI yang berasal dari berbagai Perguruan Tinggi dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Dalam Training (pelatihan) HMI Cawangan Yogyakarta ini, peserta merupakan objek sekaligus subjek, mereka tidak hanya diperlakukan/diberi, tapi juga mereka terlibat aktif dalam kegiatan pelapisan tersebut.[17]

Jumlah peserta LK I ini antara satu pelaksanaan dengan pelaksanaan yang lain tidak sama. Namun purata peserta 20-25 orang.

---

[16] Dalam kamus Dwibahasa; Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur, 1979. Dijelaskan **Input** ialah apa yang dimasukkan atau dibekalkan (misalnya data untuk komputer, tenaga atau jentera).

[17] Interview dengan Saudara Maslahul Falah, bekas Setiausaha HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 27 Februari 2002.

Melihat potensi peserta yang berasal dari berbagai Perguruan Tinggi yang beraneka ragam pula disiplin ilmu, menunjukkan sumber daya manusia yang besar, karena dengan latar belakang disiplin ilmu yang berbeza inilah akan lahir pemahaman yang plural (beragam) dalam memahami materi-materi yang diberikan.[18]

b. Panitia/Jawatan Kuasa.

Panitia sebagai subjek dalam LK I merupakan pelaksana tekhnis dari keseluruhan acara. Panitia dalam hal ini dilantik Pengurusi Komisariat/rantingnya yang mempunyai program kerja melaksanakan LK I dengan tujuan mencari ahli, yang pada pelaksanaan berikutnya diambil alih kepada Pengurusi Cawangan dan kemudian oleh Pengurusi Cawangan dikirim kepada bidang Pelatihan untuk menunjuk anggota KPC (Korps Pengkader Cabang) yang membina LK I ini.[19]

Panitia yang diangkat oleh Pengurusi Komisariat/Ranting sebagai sebuah *team work* ini biasanya terdiri dari ahli baru bekas peserta LK I yang memang

[18] Interview dengan saudara Rahayu Widodo, bekas Pengetua HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 25 Februari 2002.

[19] Interview dengan Saudara Mukti Ali, S, Ag., Bekas Pengetua Komisariat Fakulti Dakwah, di Wisma Marakom pada tarikh 23 Februari 2002.

disengaja untuk mulai menjalankan proses pelapisan langsung dalam kerja mengatur cara.

c. Pemandu/Pengaturcara

Pengaturcara sebagai subjek yang diberi amanah untuk mengurusi kegiatan LK I merupakan komponen penentu dalam keberhasilan kegiatan tersebut. Dalam setiap kegiatan LK I ini, pengaturcara yang diikutsertakan berjumlah antara 3-4 orang yang dipengurusi oleh seorang diantara mereka. Perpaduan antara Pengaturcara dengan peserta adalah seorang pengaturcara menilai perkembangan 5-6 orang peserta.

Tugasan utama pengaturcara dalam LK I ini adalah mengikutsertakan selama kegiatan ini berlangsung hingga selesai, baik dalam forum maupun dalam kegiatan lainnya. Pengaturcara pula yang mengatur dan memberi arahan selama pelaksanaan kegiatan latihan ini.

Syarat utama menjadi seorang pengaturcara dalam LK I sesuai dengan keputusan KPC adalah; telah mengikuti Training Pelapisan/Senior Course (SC) dan telah malaksanakan pelatihan sesuai dengan jumlah yang disyaratkan. Dan telah mendapat amanah dari Pengurusi

Cawangan dalam hal ini Bidang Pelatihan untuk menjadi pengaturcara LK I.

Dalam hal ini dapat dikatakan bahwa pengaturcara diminta untuk memahami kondisi sosiologi peserta yang berbeza *background* (latar belakang) keilmuan antara satu latihan dengan latihan yang lain. Oleh kerana itu seorang pengaturcara harus mempunyai wawasan yang luas untuk memahami latar belakang peserta dengan baik.[20]

d. Instruktur atau Lecture

Instruktur atau sebagai komponen subjek dalam LK I ini merupakan subjek yang mempunyai tugas memberikan bahan kajian dan mentransfernya kepada peserta.

Syarat-syarat untuk menjadi instruktur/lecture adalah sama dengan syarat untuk menjadi pengaturcara ditambah dengan keharusan mempersembahkan atau menghadirkan makalah atau wawasan mengenai materi yang menjadi pilihannya dan alternatif yang kedua adalah panel dalam forum LK I dengan instruktur/lecture yang telah dianggap senior dalam materi yang dipilihnya.

[20]Interview dengan saudara Idrus Syarifuddin, Bekas Pengetua HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 24-02-2002.

Interaksi dari keempat subyek tersebut dalam pelaksanaan LK I ini dapat dilihat **pada bagan 3.**

BAGAN 3
INTERAKSI KOMPONEN SUBJEK
DALAM LATIHAN KADER/PELAPIS I



Sumber : Pedoman Perkaderan/Pelapisan HMI 1992.

3.5.1.5.1.2. Materi.

Materi LK I ini diberikan terdiri daripada materi asas, materi penunjang/tambahan dan materi alat. Materi asas merupakan materi yang akan dijadikan tujuan, dimana penekanan minda diharapkan boleh membentuk pelapis dalam keperibadiannya dan pandangan atau wawasan hidupnya.

Materi penunjang/tambahan adalah materi yang dikembangkan untuk membantu dan memperkuat materi asas. Sedang materi alat adalah materi yang akan dikembangkan menjadi bahan atau alat dalam usaha mencapai tujuan. Disamping tiga kelompok materi tersebut, ada juga materi

kapita selekta (meliputi wawasan dakwah, wawasan kepimpinan dan pengembangan minda pelajar), dimana pengembangannya diterjemahkan kepada komisariat atau ranting yang melaksanakan LK I tersebut. Selalunya materi kapita selekta ini diisi dengan acara stadium general atau diskusi dan debat dan forum untuk memperkenalkan pengurusi dan kegiatan ranting.

Logika atau pengembangan wawasan materi tersebut di atas dibina untuk memperjelas keagungan ajaran Islam dari setiap aspeknya. Dengan pengembangan wawasan berfikir dapat dipahami ajaran Islam secara keseluruhan dengan berorientasi pada pengembangan visi dan mission Islam kemahasiswaan HMI.[21]

Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada **tabel 3** yang menjelaskan logika atau mengembangan wawasan materi tersebut.

Materi-materi (Maadah) tersebut disusun sedemikian rupa, dengan menempatkan materi **Keyakinan Muslim (Tauhid)** sebagai materi pertama adalah dalam usaha merubah cara berfikir peserta dalam menghadapi apapun

[21] Interview dengan Saudara DR. Agussalim Sitompul, tokoh Pergerakan Mahasiswa Islam Yogyakarta; yang kini masih aktif dalam pengembangan dunia intelektual di lingkungan Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, bertarikh 21-02-2002

cabaran dengan wawasan dan pandangan Muslim baik dalam pengembangan ilmu maupun fenomena sosial yang ada.[22]

Dari keyakinan tersebut diharapkan lahir semangat dalam sebuah komuniti HMI di bawah kepimpinan sistem yang Islami untuk mencapai tujuan yang diingini, iaitu turut serta membangun masyarakat yang diridhoi Allah SWT. dengan ditanamkan sifat istiqomah sesuai dengan minat dan minda pelajar yang berwawasan Islami.

Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada **tabel 3** yang menjelaskan logika atau mengembangan wawasan materi tersebut.

[22] Interview dengan Saudara Maslahul Falah, Bekas Setiausaha HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 27-02-2002.

TABEL 3
MATERI DAN ALOKASI WAKTU PADA LK I

KELOMPOK	MATERI	WAKTU
A. POKOK		**24 JAM**
1. Khittah Perjuangan	1. Keyakinan Muslim	4 Jam
	2. Wawasan Ilmu Islam	4 Jam
	3. Wawasan Ilmu Islam	4 Jam
	4. Etos/nilai Perjuangan dan sang-si Pelanggaran.	2 Jam
	5. Kepimpinan Dalam Islam	2 Jam
	6. Asas, tujuan dan indepen-dent HMI	2 Jam
2. Ke-HMI-an	1. Sejarah HMI	2 Jam
	2. Konstitusi/undang-undang HMI	4 Jam
B. PENUNJANG		**6 JAM**
1. Sejarah Islam	Sejarah Perkembangan Peradaban Islam	4 Jam
2. PT/Kemahasiswaan	PT/Kemahasiswaan	4Jam
C. ALAT		**8 JAM**
	1. Dasar-dasar Organisasi	2 Jam
	2. Metode Diskusi dan teknik	2 Jam
	3. Pengantar Logik	2 Jam
	4. Retorika dakwah & Protokoler	2 Jam
D. KAPITA SELEKTA		**2 JAM**
	Stadium General	2 Jam
JUMLAH		**40 JAM**

Sumber: Pedoman Perkaderan HMI 1992.

3.5.1.5.1.3. Sarana dan Fasiliti.

Sarana dan fasiliti dalam pelaksanaan LK I ini antara lain; sumber informasi, tempat dan lingkungan, sumber kewangan dan alat.

-*Sumber Informasi.*

Sumber informasi terdiri daripada dua jenis, iaitu sumber utama/nara sumber dan perpustakaan yang terdiri daripada literature, dokumen, kaset maupun video.

Namun sumber informasi yang disediakan pada LK I terhad hanya pada sumber utama/nara sumber, sementara sumber informasi lainnya seperti makalah, kaset, video maupun literature lainnya belum dapat disediakan. Hal ini disebabkan terlalu terhad terutama sumber kewangan untuk menyediakan informasi tersebut sangat minim.[23]

-*Lokasi atau tempat dan Lingkungan.*

Lokasi atau tempat dan lingkungan yang bersesuaian untuk kegiatan latihan ini adalah yang memenuhi syarat iaitu terpeliharanya keamanan dan aspek strategi. Lokasinya memenuhi syarat seperti ruang pertemuan/perhimpunan, bilik rehat/istirahat, ruang sholat

[23] Hasil Observasi Penulis selama mengadakan penelitian dan penyelidikan.

(mushollah) yang sedia ada. Dan keadaan masyarakat yang membantu proses pelatihan.

-Pendanaan (Sumber kewangan).

Dana (kewangan) dalam hal ini bukan prasyarat utama bagi keberhasilan LK I, namun ia menentukan keberlangsungan latihan ini hingga selesai.

Ada dua hal yang berkaitan dengan sumber kewangan, iaitu Pencaharian atau pengelolahan kewangan harus sesuai dengan ketentuan organisasi, dan menegement kewangan harus lebih berhati-hati dan teliti.

Keadaan kewangan dari setiap kegiatan ini tidak sama antara satu aktiviti dengan aktiviti yang lain, terpulang pada komisariat/ranting mana yang melaksanakan. Paling tidak jika yang melaksanakan adalah komisariat/ranting Fakulti dari Perguruan Tinggi Swasta, dimama masalah kewangan tidak begitu diambil berat (tidak ada masalah), maka akan berbeza dengan pelaksanaan Komisariat/ranting dari Perguruan Tinggi Negeri yang masih sering mengalami masalah kewangan.[24]

[24]Interview dengan Saudari Mira Mareta, Bekas Bendahari HMI Komisariat Fakulti Adab IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Namun secara umum pencaharian atau pengelolahan kewangan ini diperolehi dari alumnai secara individu, pembayaran iyuran peserta dan dari sumbangan lain yang tidak mengikat, juga dari usaha komisariat/ranting misalnya dengan penjualan sticker dan bulletin/majalah.

Pengelolaan kewangan untuk kegiatan LK I di komisariat/ranting tidak ada masalah dengan kewangan, maka dalam pengelolaannyapun tidak menghadapi masalah. Berbeza dengan kondisi komisariat yang mengalami masalah kewangan akhirnya selalu minus/kekurangan, yang biasanya itu ditanggung oleh individu panitia/jawatankuasa dengan menyumbang kewangan dengan keikhlasan hati.

-*Perlengkapan/alat.*

Perlengkapan atau yang diperlukan dalam kegiatan ini selain kenderaan dan perlengkapan/alat umum, menu dan gizi makan, juga peralatan untuk sumber informasi seperti *globe*, untuk menerangkan dunia Islam atau *slide* untuk melihat kondisi sosiologi umat Islam, untuk dua terakhir ini boleh dikatakan tak pernah ada.

Boleh dilihat, bahwa sarana dan fasiliti kegiatan LK I ini masih belum terdapat, namun menurut mereka dengan

keadaan yang terhad inilah akan lahir pelapis-pelapis *militan* dalam perjuangan.[25]

Sebenarnya keberadaan perlengkapan/alat adalah berhubungkait dengan keadaan kewangan, jika keadaan kewangan baik, maka keadaan peralatan baik. Namun ternyata dengan tekad untuk turut serta berjuang menyiapkan pelapis umat, keadaan yang terhad ini tidak mengurangi semangat perjuangan mereka.

3.5.1.5.2. Konversi.[26]

Conversi merupakan proses mengelola atau merubah atau mentransformasi bahan-bahan yang disebut input (masukan) menjadi suatu hasil kerja yang biasanya disebut dengan output (keluaran).

Dalam conversi ini ada tiga langkah kegiatan, iaitu tahap atau Fasa persiapan, tahap/Fasa pelaksanaan dan tahap/Fasa penutupan.

3.5.1.5.2.1. Tahap/Fasa Persiapan.

Pada tahap/fasa ini pengaturcara mensiapkan segala keperluan sesuai dengan tugasan dan tanggung jawabnya, iaitu:

-Melakukan mesyuarat koordinasi/hubungan unit antara pengaturcara dan jawatan kuasa inti untuk membincangkan

---

[25] Interview dengan Burhanuddin S.Ag. Bekas Pengetua HMI Fakulti Tarbiyah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, di Wisma Marakom Sapen, bertarikh 22-02-2002.

[26] Dalam Kamus Dwibahasa; Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia **Converse** ialah bercakap; berbual; (dengan seseorang atau mengenai sesuatu). Dalam hal ini, Data mengenai conversi ini didapati dari hasil observasi & penelian penulis selama penelitian dan penyelidikan berlangsung.

mengenai kebijakan dan undang undang LK I, terutama yang berhubung kait dengan peserta, dan aturan kerja jawatan kuasa pelaksana dalam melayani peserta. Dalam mesyuarat ini pula diputuskan untuk melantik seorang pengaturcara (senior) menjadi koordinator/ketua pelaksana.

-Mempelajari biodata peserta yang telah diisi setelah daftar semula, hal ini dilakukan untuk mengetahui latar belakang dan motivasi peserta supaya terlaksana proses latihan pada umumnya, dan berguna pada saat pengarahan/pemberian maklumat.

-Mempersiapkan perangkat lunak seperti obsensi (daftar hadir), lembaran berita acara dan sebagainya yang berhubung kait dengan pelaksanaan latihan.

3.5.1.5.2.2. Tahap/Fasa pelaksanaan.

Tahap/fasa pelaksanaan ini dimulai dengan aturcara pembukaan dan aturcara pengarahan atau pemberian maklumat.

- Acara/aturcara Pembukaan

Acara/aturcara pembukaan pada LK I ini dimulai setiap ba'da isya', dengan dihadiri oleh peserta, panitia/jawaan kuasa, pemandu/pengaturcara, pengurusi komisariat/ranting, pengurusi korkom/kepala Bahagian, pengurusi cabang/cawangan yang akan membuka aturcara LK I ini dan tuan rumah pemilik tempat kegiatan. Aturcara ini meliputi

syarahan dari ahli bait/rumah, ketua panitia/jawatan kuasa, ketua komisariat/ranting, dan ketua cabang/cawangan yang sekaligus membuka aturcara tersebut.

Pada aturcara pembukaan ini, panitia/jawatan kuasa memberikan sepenuhnya peserta kepada pengaturcara.

Dari keterangan aturcara tersebut, ternyata proses pengenalan HMI secara tidak langsung telah dimulai dilakukan kerana kandungan dari setiap syarahan dari pengurusi HMI baik pengurusi Ranting maupun dari pengurusi cawangan selalu berorientasi kepada misi dan visi HMI.

- Acara Pengarahan/Aturcara Syarahan.

Setelah aturcara pembukaan secara serimonial/sistematic selesai, kemudian aturcara dilanjutkan dengan aturcara syarahan yang hanya dihadiri oleh peserta dan pengaturcara. Dalam hal ini peserta dan forum sepenuhnya telah dikawal dalam bimbingan pengaturcara. Aturcara syarahan tersebut meliputi:

a. *Pembukaan.*
b. Gema/pembacaan Kalam Ilahi dan terjemahannya oleh peserta.
c. *Cheking* peserta dan pembahagian tanda pengenal peserta.
d. Pengenalan pengaturcara (sebatas nama) dan penjelasan interaksi komponen subjek dengan pendekatan latihan

sebagai keseluruhan proses (ilustrasi interaksi subjek dapat dilihat pada **bagan 3.**)

e. Mengungkap motivasi peserta.

f. Penjelasan arahtuju pelapisan umat dan arahtuju pelapisan HMI;

g. Penyusunan tata tertib/penguatkuasaan undang-undang.

h. Pemilihan ketua kelas atau pengawas bilik darjah dan tugasannya.

Aturcara syarahan ini mempunyai nilai yang sama pentingnya dengan aturcara lainnya, sebab pada aturcara ini dijelaskan tentang apa sesunggungnya erti pelapisan dan apa fungsinya bagi perjuangan umat, dan bagaimana bentuk proses pelapisan HMI dalam keseluruhan perjuangan umat.

Yang termasuk bahagiam/komponen dalam tahap pelaksanaan ini adalah: struktur/carta pelaksanaan dan bentuk-bentuk kegiatannya.

-Struktur/Carta Pelaksanaan.

Struktur/carta pelaksanaan dapat dijelaskan pada **bagan 4**

BAGAN 4
STRUKTUR/CARTA PELAKSANAAN LATIHAN KADER I



Keterangan:
_____=Tugas utama
----------=Tugas tambahan

Yang dimaksud dengan pengajaran adalah kegiatan yang mempunyai maksud pemberian materi/kuliah oleh instruktur/lecture kepada peserta.

Kemudian yang dimaksud tuntutan rohani atau pemenuhan nilai rohaniyah adalah bahagian pemeliharaan kehidupan spritual seperti pengaturan atau ketetapan pelaksanaan ibadah khusus (mahdah) termasuk pedoman pelaksanaannya, konsultan persoalan-persoalan peribadi yang sulit diungkapkan di depan orang banyak,

pemeliharaan semangat jihad termasuk penjelasan-penjelasan mengenai panduan ajaran Islam dalam jihad dan sebagainya.

Sedangkan yang dimaksud dengan pengelolaan kelas/pembinaan bilik darjah adalah seluruh kegiatan untuk mempertingkatkan kondisi optimal bagi keberlangsungan proses belajar mengajar.

-Bentuk-bentuk aktiviti/kegiatan.

Bentuk-bentuk aktiviti/kegiatan ini terdiri dari aktiviti/kegiatan kelas atau bilik darjah dan aktiviti/kegiatan masjid.

a. Aktiviti/kegiatan Kelas/bilik darjah.

Aktiviti bilik darjah ini dimulai pukul 08.00 WIB (pagi) yang dibuka dengan pembacaan ayat suci al-Qur'an yang berkaitan dengan materi yang akan diberikan. Hari berikutnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an ini dilakukan dengan setiap akan dimulai materi baru.

Aktiviti ini dilakukan dalam bilik darjah mengenai pemberian materi oleh instruktur/lecture, dialog/diskusi yang diarahkan oleh pemandu/pengaturcara dan kegiatan kelas lainnya.

Metod yang digunakan dalam aktiviti bilik darjah ini dipilih berdasarkan pertimbangan:

-Tujuan Penyajian atau Penyampaian

-Sifat materi

-Keadaan Peserta

-Waktu yang disediakan

Dengan beberapa pertimbangan diatas, selama ini metod yang diguna pakai dalam aktiviti/kegiatan bilik darjah adalah sebagai berikut:

-Metod ceramah/diskus

-Metod *role play*

-Metod demonstrans/simulasi

-Metode Eksperiment/latihan.

Dari keempat metod tersebut, yang paling dominan/utama digunakan adalah metod ceramah dan diskus.

Tujuan utama atau inti dari aktiviti/kegiatan bilik darjah ini adalah pengajaran dan pembinaan bilik darjah (lihat **bagan 4).**

b. Aktiviti/kegiatan Masjid.

Bentuk aktiviti/kegiatan ini menerima perioriti utama dengan pemberian latihan spritual sebagai bahagian dari komponen pelengkap, dan ia sebanding dengan aktiviti bilik darjah, supaya

pemahaman nilai-nilai spritual Islam dapat berlangsung dengan lebih baik.

Aktifiti/kegiatan masjid ini meliputi:

- Sholat berjamaah, sholat jamaah ini dilakukan selama lima waktu sholat.
- Tadarus Al-Qur'an, tadarus al-qur'an dilakukan setelah sholat maqrib dan shubuh.
- Kultum (kuliyyah tujuh minit), diadakan setelah tadarus, yang diisi oleh peserta, kemudian diteruskan dengan dialog. Materi Kultum mengenai masalah-masalah keagamaan yang dirasai peserta maupun mengenai materi yang telah diberikan (pendalaman).
- Sholat Lail, dilakukan setelah materi selesai, iyaitu sekitar pukul 12.00 WIB (malam) yang diketui oleh pengaturcara.

Pada aktiviti/kegiatan masjid ini, peserta lelaki dan perempuan ini diasingkan, dan masing-masing diketuai oleh pengaturcara lelaki dan pengaturcara perempuan.

Dengan dua bentuk-bentuk aktiviti/kegiatan ini, iaitu aktiviti bilik darjah dan aktiviti masjid, usaha untuk menyiapkan generasi pelapis sesuai dengan tujuan mulai diberlakukan iaitu menyiapkan generasi pelapis insan ulil

albab. Salah satu ciri insan ulil albab ini dalam al-Qur'an dikatakan sebagai orang yang selalu berzikir dan berfikir:

إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ
لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾ ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ
قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (QS:3:190-191)[27]

3.5.1.5.2.3. Tahap/fasa Penutupan

Aturcara ini dilakukan pada malam terakhir latihan iaitu malam kelima. Pada tahap ini ada dua aturcara yang dilakukan, iaitu aturcara penutupan dan acara evaluasi/penilaian latihan.

-Aturcara penutupan

Aturcara penutupan ini, selain menutup aturcara LK I secara keseluruhan, juga melaporkan hasil keputusan kelulusan peserta LK I oleh koodinator pengaturcara, kemudian dilanjutkan dengan penyerahan peserta dari pengaturcara kepada jawatan kuasa yang kemudian diserahkan kepada komisariat/ranting

[27]Mushaf Malaysia Rasm Uthmani, *Tafsir Pimpinan Ar-Rzhman Kepada Pengertian Al-Qur'an 30 JUZ,* Dar Al-Kitab Malaysia, 1980, p. 173.

-Acara evaluasi/penilaian latihan

Acara ini dilakukan setelah aturcara penutupan (seremonial), acara ini terdiri dari:

a. Pembukaan
b. Gema/pembacaan Kalam Ilahi atau al-qur'an dan terjemahannya oleh bekas peserta.
c. Perkenalan seluruh pengaturcara secara terperinci, kalau dalam aturcara pembukaan pengaturcara hanya mengenal nama, maka pada penutupan ini pengaturcara paling tidak mengenal asalnya, alamat tempat tinggalnya (asrama) dan perguruan tinggi mereka menuntut ilmu.
d. Pembahagian dan pengisian lembaran evaluasi atau penilaian yang terdiri daripada:

   -Evaluasi/penilaian instruktur atau lecture (lihat lampiran I).

   -Evaluasi/penilaian Pengaturcara, yang merangkumi: keperibadian, konsep wawasan dan kemampuan pembinaan bilik darjah. (lihat lampiran II)

   -Evaluasi/penilaian Latihan kader/pelapis I (lihat lampiran III).

e. Evaluasi/penilaian Lisan.

   Penilaian lisan ini merupakan evaluasi tambahan dari evaluasi tertulis yang khusus ditujukan pada pengaturcara.

Dalam evaluasi lisan ini, pengaturcara tidak berhak menanggapi atau merespont, kecuali jika evaluasi itu memerlukan penjelasan.

f. Penjelasan tentang *follow up* atau kaji ulang latihan.

Follow up ini dimaksudkan supaya apa yang telah diberikan pada LK I tidak hilang begitu saja bersamaan dengan selesainya LK I.

Penjelasan Follw Up ini mengenai:

-Pembentukan group/usroh (keluarga). Hal ini dilakukan agar tali silaturahmi bekas peserta ini dapat tetap terjalin.

-Pembentukan pengurusi usroh, menimal Pengetua, atau setiausaha, dan egent sosial (humas).

-Rencana perjumpaan pertama usroh, dengan menetapkan tempat dan waktunya.

g. Acara atau aturcara Pelantikan.

Aturcara pelantikan ini dilakukan setelah aturcara evaluasi atau penilaian iaitu sekitar pukul 01.00 WIB (malam). Setelah aturcara pelantikan ini selesai kemudian diteruskan dengan renungan malam atau tazkirah yang diketuai oleh seorang khatib yang tidak dikenal peserta.

Aturcara renungan malam atau tazkirah seperti ini dilakukan dilingkungan HMI Cawangan Yogyakarta sebenarnya masih ada yang mempertanyakan dasar pemikirannya. Untuk mereka yang setuju dengan tazkirah ini, hujjahnya adalah untuk mengingatkan peserta dengan menyentuh emosi, perasaan dan batin peserta dengan mengingatkan kesalahan dan dosa-dosa yang telah diperbuatnya terhadap orang-orang yang mereka sayangi terutama orang tua mereka. Diharapkan dengan acara ini mereka menyesal dengan perbuatannya dan kemudian benar-benar bertaubat.[28]

Sedang bagi mereka yang tidak setuju dengan tazkirah mlam ini; hujjahnya adalah bahwa pendekatan meteri LK I yang disusun sedia ada sudah cukup baik untuk membangun kesedaran kemanusian peserta. Menurut kelompok kedua ini, tazkirah malam dianggap sebagai sarana "kejutan rohani" yang kesannya hanya sesaat.[29]

Untuk peserta latihan yang berasal dari disiplin ilmu pasti (exat), renungan malam dinilai efektif dan diperlukan untuk membangun kesedaran, kerana peserta yang berasal

[28] Interview dengan saudara Rahayu Widodo, Bekas Pengetua HMI Cabang Yogyakarta di Wisma Karangkajen, bertarikh 25-02-2002

[29] Interview dengan Saudara Muhammad As'ad, bekas setia usaha HMI Cabang Yogyakarta, di Wisma Karangkajen, bertarikh 26-02-2002.

dari disiplin ilmu cenderung pola pikirannya mengenai agama lebih bersifat emosi.

Berbeza dengan latihan yang pesertanya berasal dari ilmu sosial dan ilmu humaniora, pendekatan tazkirah malam cenderung tidak efektif, kerana peserta dari ilmu ini pola pikirannya cenderung rasional.

Aturcara penutupan ini selesai sebelum sholat shubuh setelah itu diteruskan dengan sholat shubuh berjemaah, setelah itu siap-siap untuk pulang. Dengan pulang pagi ini, walaupun kesannya dipaksa, bekas peserta diharapkan langsung melakukan kegiatan seperti sedia kala dengan mencuba melihat realiti dengan wawasan barunya setelah dididik dan diberi pengajaran selama hampir satu minggu.

3.5.1.5.3 Output[30]

Yang dimaksud output disini adalah suatu keadaan atau kondisi yang hendak dicapai daripada diadakannya LK I tersebut. Tujuan ini terdiri dari dua tujuan; *umum* dan *khusus*

Tujuan umum adalah:

"Terbinanya kader/pelapis yang mempunyai kesedaran berislam, sikap peribadi yang konsisten, kritis terhadap

[30] Dalam kamus Dwibahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, Penerbit Dewan bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur, 1979. **Output** ialah Jumlah barang atau sesuatu dan lain-lain yang dikeluarkan; hasil pengeluaran; karya (sastera).

permasalahan umat dan memperjuangkannya secara terorganisir".

Tujuan khusus adalah:

1. Memiliki kesedaran berislam dengan benar dalam kehidupan sehari-hari, mampu membezakan antara yang hak dan yang bathil.
2. Mengembangkan kesedaran akan pentingnya memperjuangkan Islam secara terorganisir.
3. Menyedari akan adanya tantangan atau cabaran umat islam dalam aspek ilmu, sosial, ekonomi dan budaya.[31]

Dengan melihat secara keseluruhan proses LK I, mulai dari interaksi subjek latihan sampai pada materi yang diberikan, ada hubungan kait antara pelaksanaan dengan tujuan, misalnya kesedaran berislam dengan benar, disamping bersumber dari materi pertama 'keyakinan Muslim', juga dari aktiviti/kegiatan masjid dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam setiap tingkah laku dan perbuatan.

Kemudian kesedaran pentingnya memperjuangkan Islam secara terorganisasi atau teratur dibawah kepimpinan sistem yang islami, sebagai cermin dari doktrin atau ajaran Islam yang tercantum dalam Al-Qur'an:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ(٤)

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi,

[31] Pedoman Perkaderan HMI, p. 22.

seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh." (QS:61:4)[32]

Selain itu peserta menyedari adanya tantangan dan cabaran umat Islam dalam aspek ilmu, sosial, ekonomi dan budaya, setelah diberi materi wawasan ilmu Islam dan wawasan sosial Islam.

3.5.2. DALAM BIDANG PENGKAJIAN/GERAKAN INTELEKTUAL.

Diskus atau kajian mengenai persoalan actual atau kekinian dalam masyarakat, keilmuan, falsafah dan persoalan global (menyeluruh), hal ini termasuk latihan khusus dalam gerakan intelektual atau pengembangan minda dan wawasan di HMI Cawangan Yogyakarta. (lihat **bagan 3).**

Di Indonesia banyak wacana pemikiran dan pengetahuan. Diantaranya yang terpenting adalah apa yang dikembangkan di dalam institusi pendidikan, atau yang dikenal sebagai wacana akademik. Wacana pemikiran akademik ini meliputi banyak aspek, yang mencerminkan interaksi antara manusia atau manusia dengan alam. Lahirnya berbagai disiplin pengetahuan, seperti fisika, kimia, mineralogi dan sebagainya, mencerminkan hubungan antara sesama manusia. Disamping itu juga dikembangkan berbagai disiplin keagamaan, seperti teologi, mistik dan sebagainya, yang sebenarnya

[32] Departemen Agama, *op. cit.*, p. 928.

mencerminkan hubungan antara manusia dengan Tuhan atau dimensi transendent.

Disisi lain, kita juga mengenal wacana pemikiran yang banyak ditemui di pesantren-pesantren/pondok dan organisasi lainnya. Dalam lingkungan Islam, khususnya pesantren-pesantren/pondok, terdapat wacana pemikiran yang dikenali sebagai pengkajian "kitab kuning", dimana perhatian pengkajian justru tertumpu pada wacana-wacana klasik, dan tidak begitu kuat pertaliannya dengan perkembangan-perkembangan kontemporer.

Ketika HMI mulai merambah dan menemui 'jalan baru', masalah-masalah yang berkenaan dengan epistimologi menjadi perhatian utama. Secara teleologi hal itu termaktub perubahan tujuan yang dilakukan HMI, dari lima *insan Cita* kepada *Insan Ulil Albab*. Tetapi ekspresi yang lebih nyata dapat dilihat di dalam forum-forum diskus, pelatihan dan tajuk-tajuk utama suatu kepengurusan, yang pada gilirannya melahirkan obsesi besar untuk mewujudkannya. Dilihat dari realiti organisasi, HMI adalah organisasi pertama di Indonesia yang konsern atau istiqomah terhadap epistimologi, meskipun hingga kini belum melahirkan karya-karya epistemic yang memadai.

Epistimologi menjadi perhatian utama HMI. Hal ini dapat dilihat dengan kedudukan epistimologi itu sendiri. Epistimologi menempatkan semua disiplin ilmu sebagai objek kajian. Epistimologi

mempersoalkan "bagaimana" sebuah teori, penjelasan ilmiyah dan penalaran dan analisa (reasoning) suatu sains dibangun. Epistimologi juga mempersoalkan secara ontologi keberadaan diri teori-teori tersebut. Dengan mengkaji epistimologi secara memadai, seseorang tidak saja akan memperolehi gambaran tentang struktur/carta sains, tetapi lebih dari itu juga mampu menghadapi pengetahuan tersebut, terutama dalam aspek teori, secara kritik.[33]

Pentingnya persoalan ini kerana model sains yang berkembang dalam dua decade/period terakhir ini sebenarnya telah berada dalam perspektif Barat, yang dalam batas-batas tertentu bersifat atheis dan sekuler. Kemenangan-kemenangan revolusi industri, munculnya *renaissance* dan penemuan-penemuan teknologi baru di Barat, telah menyebabkan suatu hegemoni peradaban Barat ke Timur, termasuk Islam. Akibatnya ekspresi dan masuknya kolonial Belanda yang dilakukan Barat ke Wilayah-wilayah Timur, tidak saja menyebabkan terhakisnya sumber daya alam, tetapi juga, secara intelektual, menghilangkan daya kreativiti dan kepercayaan diri, untuk mencermati atau perlu perhatian terhadap dimensi-dimensi sains Barat bagi keperluan Timur.

Keperibadian inilah yang membantu dan menolong HMI bersikap kritis terhadap perkembangan sains yang ada. HMI dengan segala keterbatasannya, mencuba menyatukan "nilai-nilai dan prinsip"

---

[33] Interview dengan saudara Suharsono, Bekas aktivis HMI tahun 1980, yang kini masih aktif mengembangkan dunia keilmuaannya melalui penerbitan artikel-artikel, majalah, buku-buku dan karya ilmiah. Dan tulisan-tulisannya sering diterbitkan di media-media Indonesia. Kini tinggal di Yogyakarta, bertarikh 28-02-2002.

sains dalam ajaran Islam. Dalam perspektif atau pemahaman HMI, pengetahuan dan proses mengetahui itu berasal dari Allah, sebagaimana terdapat dalam *khittah;*

> Allah SWT. sebagai sumber kebenaran juga menurunkan Al-Qur'an, supaya manusia mempelajari ayat-ayatnya sebagai proses untuk memperolehi pengetahuan. Al-Qur'an berisi keterangan mengenai segala sesuatu, sebagai petunjuk, rahmat dan berita tentang masa depan yang bahagia. Dengan Al-Qur'an manusia akan terpimpin/terbina pada kebenaran serta tidak melakukan kesalahan atau kejahatan (kemungkaran).[34]

HMI juga mempercayai, bahwa ajaran Islam memuat nilai dan prinsip pengetahuan, pada masa yang sama pula berusaha mengartikulasikan atau mengaktualisasikan/memperaktikkan nilai dan prinsip tersebut kedalam bentuk pengetahuan, sehingga diperolehi ilmu pengetahuan (*body of knowledge)* yang Islami. Jalan utama dan pertama yang ditempuh HMI dalam mewujudkan impiannya itu adalah dengan menderevasikan/mengamalkan 'asas Islam'-nya kedalam wawasan ilmu.

HMI sebagai gerakan yang seluruh panduannya bersumber pada Islam, membangun peradaban perubahannya pada masyarakat yang bertamadun yang diridhai oleh Allah SWT., mengutamakan term-term atau tema atau tajuk intelektual.

Term-term atau tajuk intelektual yang dipilih sebagai paradigma perubahan ini, pada awalnya untuk merespons berbagai

---

[34] Khittah Perjuangan, *op.cit.*,

pertanyaan mendasar yang muncul, berkenaan dengan penubuhan Islam sebagai asas organisasi, terutama pada tahun pertama diberlakukan UU No. 5 tahun 1985.

Ada beberapa alasan yang berkembang saat itu untuk menggunakan term-term atau tajuk intelektual dalam memperjelas segala sesuatu, sebagai ganti terhadap penjelasan-penjelasan yang bersifat formal organisasi. *Pertama,* Penjelasan-penjelasan formal yang disampaikan mengenai penubuhan dan mempertahankan asas Islam, tidak lagi memuaskan. *Kedua,* Dalam situasi politik dan militer pada saat itu cukup represif terhadap ramainya fenomena gerakan Islam, pilihan intelektual dianggap sebagai langkah mengurangkan resiko yang tidak diinginkan. *Ketiga,* Term-term atau tajuk intelektual sebagai pilihan paradigma perubahan, dianggap paling tepat untuk menyampaikan *mission* dan menyebarluaskan gagasan, cita-cita, moraliti, dan keyakinan HMI kepada ahli, institusi-institusi akademic maupun masyarakat secara luas. *Keempat,* secara substant diyakini, bahwa perubahan-perubahan dan kemajuan yang terjadi pada diri manusia, baik individu maupun kolektif, lebih ditentukan oleh perkembangan keilmuan dan kecerdasannya berbanding dengan aspek-aspek kehidupan yang lain. *Kelima,* secara histori cukup banyak bukti, bahawa lahirnya peradaban-peradaban besar dunia, selalu didahului oleh kebangkitan-kebangkitan yang bersifat intelektual. *Keenam,* ajaran-ajaran Islam yang mempunyai asas yang kuat, sebagaimana tercermin dalam *syahadat, "Laa ilaha Illa'Allah"* (Tidak ada Tuhan

melainkan Allah) adalah pernyataan itu mempunyai hubungan kait dengan ilmu pengetahuan, bukan sintimen atau sindiran maupun keinginan semata. Begitu juga dengan penggunaan nama-nama bagi kitab suci Al-Qur'an, Al-Furqan dan Ummul al-Kitab. Begitu juga ayat-ayat al-Qur'an maupun seruan-seruan atau ajakan Nabi bagi umatnya, banyak yang berpandukan pada hal-hal yang bersifat intelektual. Kerana itu dilihat dari aspek manapun, pilihan HMI untuk menggunakan term-term/tajuk dan pendekatan intelektual, adalah satu pilihan yang menarik di tengah kehidupan sosial.[35]

Ada sejumlah tema atau tajuk intelektual yang diangkat oleh HMI dalam satu alaf/period terakhir ini. *Pertama,* Perbincangan mengenai masa depan, baik dalam pengertian yang paling global, regional maupun organisasi. *Kedua,* Perbincangan mengenai epistimologi Islam, maupun kajian-kajian efistemic terhadap khazanah ilmiyah Barat kontemporer. *Ketiga,* Pengkajian terhadap gerakan-gerakan Islam secara global, termasuk mengkaji khazanah pemikiran tokoh-tokoh Islam, terutama yang muncul pada abad terakhir. *Keempat,* Pengkajian terhadap sejarah peradaban, baik Yunan/Yunani, Romawi/Roman Barat Modern, India, China maupun Islam sendiri. Sedangkan perhatian HMI terhadap situasi-situasi kontemporer, misalnya dalam persoalan politik, hak asasi manusia, isu persekitaran, tanah, demokrasi, rasuah dan berbagai persoalan yang menyangkut

[35] Interview dengan saudara Suharsono, Bekas aktivis HMI tahun 1980, yang kini masih aktif mengembangkan dunia keilmuaannya melalui penerbitan artikel-artikel, majalah, buku-buku dan karya ilmiah. Dan tulisan-tulisannya sering diterbitkan di media-media Indonesia. Kini tinggal di Yogyakarta, bertarikh 28-02-2002.

hajat hidup orang banyak di Indonesia, HMI cenderung menyikapi dengan suatu aksi daripada bersikap kontempelasi atau kajian.[36]

Kajian-kajian mengenai masa depan ini dianggap penting oleh HMI, kerana masa depan yang jelas dan abstrak mampu memberikan arahan atau tunjuk ajar terhadap gerak organisasi yang diperjuangkan. Disamping itu, HMI juga banyak belajar dan memperjuangkan bahkan mengikuti perkembangan-perkembangan sejarah dan politik suatu bangsa.

Sedang tema-tema atau tajuk epistimologi, yang banyak memerlukan perhatian dan waktu dari pelapis-pelapis HMI, lebih diharapkan untuk memberikan tumpuan perhatian dan wawasan, analisa serta gagasan yang lebih baik. Disamping itu mereka juga memiliki obsesi atau kemauan untuk membangun suatu epistimologi Islam sebagai paradigma baru terhadap epistimologi sekuler. Tema atau tajuk epistimologi bagi HMI dianggap sebagai suatu yang berat sekaligus menantang, bukan kerana objek kajiannya yang semata-mata teori dan abstrak, tetapi juga kerana pengaruh lingkungan pendidikan di Indonesa, sama ada bernuansa atau berwawasan kebangsaan maupun yang diselenggarakan oleh organisasi-organisasi pengelola pendidikan ini hanya sekedar melakukan transfer ilmu, tehnik dan keterampilan, tanpa mempersoalkan asumsi-asumsi dasar keilmuan yang dibangun oleh epistemologi sekuler. Akibatnya, ketidaksedaran

[36] Interview dengan saudara Idrus Syarifuddin, Bekas Pengetua HMI Cabang Yogyakarta, bertarikh 24-02-2002.

ini sebenarnya telah melahirkan berbagai efek dan dampak dalam pengembangan pola fikir umat Islam, terutama untuk mengapresiasi/menilai konsep-konsep sosial dan ilmu pengetahuan dari kandungan ajaran Islam sendiri.

Kajian yang tak kalah menariknya yang menjadi perhatian utama HMI adalah gerakan-gerakan Islam seperti gerakan Islam yang menarik perhatian bagi HMI, antara lain ialah *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, *Jami'at Islam* di Pakistan, dan *Revolusi Islam* di Iran. Disamping itu pula dikaji beberapa gerakan Islam yang muncul pada abad-abad sebelumnya, misalnya gerakan *Wahabiyah* di Saudi Arabiyah dan *Sanusiyah* di Afrika Utara. Gerakan ini dikaji bukan sahaja untuk memuaskan dahaga intelektual, akan tetapi dalam batas-batas yang cukup kritis juga dianggap sebagai perbandingan dengan gerakan HMI sendiri, Kerana itulah memungkinkan, warna kebangsaan bagi HMI tidak begitu kental atau radical, kerana tema-tema atau tajuk tajuk pemikiran dan perhatiannya yang cenderung bersifat global.

Luasnya kajian, paradigma perubahan dan tema-tema pemikiran yang dirancang dan dicadangkan HMI, sudah barang tentu diharapkan bahawa pelapis HMI mampu mewujudkan inisiasinya atau keinginannya sebagai *insan Ulil Albab*, yang lain diharapkan mampu mendeterminasi atau menterjemahkan kehidupan sosial, pemikiran maupun politik, dan pada gilirannya akan sampai pada cita-cita

besarnya mewujudkan suatu kehidupan masyarakat yang diridhai Allah SWt. Amin